NUS National University of Singapore

Source: *Berita Harian,* p13
Date: 6 September 2018

Sajian tarian belia dari empat institusi pengajian tinggi

▶**NURMAYA ALIAS**
bhgah@sph.com.sg

BUAT julung-julung kalinya, kumpulan tarian Ilsa Tari dari Universiti Nasional Singapura (NUS) akan bergabung tenaga dengan penari belia dari institusi pengajian tinggi lain bagi Pesta Seni NUS 2018.

Persembahan *Titian Naluri* esok dan lusa di Teater Pusat Kebudayaan Universiti (UCC), NUS itu, turut melibatkan kumpulan tarian Beztari dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU), kumpulan Indra Nila Kirana dari Politeknik Nanyang (NYP) dan kumpulan Itra Tari dari Politeknik Ngee Ann (NP).

Mengulas tentang gabungan Ilsa Tari bersama penari belia lain, anggota Ilsa Tari, Encik Muhammad Fahmi Hazmi, 24 tahun, yang kini mahasiswa Pengajian Melayu di NUS, berkata:

"NUS Ilsa Tari mencetuskan idea bergabung bersama penari belia lain kerana kami mahu berbicara tentang isu-isu belia dan mengekalkan nilai-nilai lama menerusi persembahan Titian Naluri.

"Justeru itu, jika kami mahu berbicara tentang isu-isu belia, mengapa tidak bekerjasama dengan belia lain?"

Dalam pada itu, NUS Ilsa Tari juga berharap dapat memimpin golongan penari Melayu generasi baru.

Di bawah arahan Pengarah Artistik Ilsa Tari, Encik Osman Abdul Hamid, persembahan tersebut meneruskan kajian tentang peranan tarian tradisional Melayu dalam memperkukuhkan identiti dan perpaduan sosial.

"*Titian Naluri* membina daripada konsep tahun lalu, *Tenunan Wirasa*, di mana kami cuba mengupas 'identiti Melayu baru' dan mencapai keharmonian gerak tari tradisional dan kontemporari.

"Tahun ini pula, kami mahu pandang ke depan dan menunjukkan bahawa kami boleh membangun kumpulan kami di samping mencipta sesuatu yang kreatif berdasarkan seni tari tradisional Melayu," kata Encik Muhammad Fahmi.

Persembahan seni tari ini dibahagikan pada tiga segmen iaitu bermula dengan tarian tradisional Melayu, Tari Perbendaharaan Singapura, kemudian tarian kreasi baru sebelum diakhiri dengan tarian kontemporari Melayu.

Hampir 80 penari bakal terlibat dalam persembahan tarian tersebut.

Menurut Encik Osman, tarian tradisional antaranya merangkumi tarian lilin dan tarian piring.

"Penari belia dari setiap institusi kemudian mengembangkan lagi tarian tradisional itu menerusi persembahan tarian ciptaan baru," jelasnya.

Encik Muhammad Fahmi pula menambah:

"Kami turut melibatkan penari belia dari NTU, NYP dan NP dalam menghasilkan tarian ciptaan baru dan kontemporari.

"Menerusi persembahan ini, kami mahu cuba mengekalkan nilai-nilai tarian lama di samping mencipta tarian kreatif bagi masyarakat moden Melayu hari ini."

Persembahan bermula 7.30 malam, esok dan lusa. Tiket berharga $25 (umum) dan $15 (pelajar) boleh ditempah melalui laman www.apactix.com.

KEKALKAN NILAI TARIAN TRADISIONAL: Persembahan tarian Titian Naluri sempena Pesta Seni Universiti Nasional Singapura (NUS) esok dan lusa menggabungkan penari dari kumpulan Ilsa Tari NUS *(gambar),* kumpulan tari Beztari dari Universiti Teknologi Nanyang, kumpulan Indra Nila Kirana dari Politeknik Nanyang dan kumpulan Iltra Tari dari Politeknk Ngee Ann. – Foto f.otography

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.